

15/01/1998

Nik Aziz minta maaf tidak dapat hadir majlis

KOTA BHARU, Rabu - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, memohon maaf kerana tidak dapat menunaikan jemputan berbuka puasa bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 26 Januari ini.

Menurutnya, beliau juga tidak akan mewakili sesiapa bagi pihak kerajaan atau peribadinya menghadiri majlis berkenaan.

Katanya, beliau terpaksa menghadiri satu program lain yang sudah diatur terlebih dulu oleh kerajaan negeri di Kuala Krai pada hari yang sama.

Difahamkan, Menteri Besar akan menghadiri majlis tadarus al-Quran dan berbuka puasa peringkat jajahan itu pada hari yang sama.

"Jika ada orang lain yang hendak menunaikan jemputan itu terserah kepada masing-masing," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), di Kota Darulnaim, di sini, hari ini.

Beliau ditanya sama ada menerima jemputan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa menghadiri majlis berbuka puasa bersama Perdana Menteri, di kediamannya di Sri Puri, Bukit Marak, dekat sini 26 Januari ini.

Menurut Annuar, undangan itu turut disampaikan kepada Nik Aziz dan Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman serta barisan Exco.

"Disebabkan program saya diatur oleh kerajaan negeri sendiri, awal lagi saya meminta maaf tidak boleh pergi," katanya.

Nik Abdul Aziz berkata, program yang dihidirinya sepanjang Ramadan ini bukan sahaja untuk majlis berbuka malah bersahur.

Sementara itu, Setiausaha Akhbar kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar, Rahime Yusoff, menyerahkan surat jemputan itu kepada Menteri Besar melalui Setiausaha Sulitnya, Mohd Alui Abdul Aziz, di pejabatnya petang ini.

Beliau juga menyerahkan surat jemputan kepada semua ahli Exco melalui Mohd Alui.

Surat jemputan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Datuk Wan Hashim Wan Daud dan Pegawai Kewangan Negeri, Tengku Shah Buddin Tengku Mohd Maasom diserahkan kepada setiausaha masing-masing.

(END)